

15 AUG 1996

Anwar-Hotel

WUJUD GOLONGAN TUKANG KARUT MENJELANG PEMILIHAN PARTI

NILAI, 15 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata menjelang pemilihan pucuk pimpinan Umno Oktober ini, wujud beberapa golongan "tukang karut" profesional yang beroperasi melalui bilik-bilik hotel di Kuala Lumpur untuk mengaut keuntungan.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata tukang karut profesional ini akan mengugut calon yang bertanding dengan memburuk-burukkan calon berkenaan sekiranya mereka tidak menunaikan permintaan tukang karut itu.

Sekiranya tukang karut itu berjaya mempengaruhi sesuatu calon, mereka akan berkempen dan menyatakan calon itu sesuai untuk dipilih, katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang pembuatan komponen kereta Kumpulan Ingress di sini, hari ini.

Bagaimanapun, jika perbuatan golongan ini terbukti, kata beliau, tindakan bukan sahaja akan diambil ke atas mereka tetapi juga terhadap calon yang bertanding.

Sebelum ini, beliau mengakui terdapat kesan positif terhadap larangan berkempen yang dikenakan. Bagaimanapun, sukar untuk mendapat pengesahan kerana masih terdapat segelintir anggota yang mengingkari larangan berkenaan.

"Sebelum ini Presiden parti mungkin tidak sebut bilik hotel sebagai markas. Oleh itu golongan ini mencari peluang untuk berbelanja tanpa batasan dan berkempen di sini pula," katanya.

Pada umumnya, menurut beliau, keadaan ini terkawal dan sekiranya Umno mendapat maklumat yang lengkap dan konkrit, mereka yang terlibat akan diambil tindakan dan dipecat dari parti.

Anwar berkata, beliau telah berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden UMNO dan mereka yang terbabit telah dikenal pasti dan tindakan akan diambil apabila perbuatan mereka terbukti.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad. -- BERNAMA

YY PR